



Informasi Berfakta Membuka Minda

Ads

Leading The Way

Get Quickly

Malaysia terajui pemodenan audit, jadi rujukan negara serantau

S. Abdullah Berita Utama September 9, 2025 0 Comments



KUALA LUMPUR – Malaysia ketika ini berada di barisan hadapan dalam usaha melaksana pemodenan audit, sekali gus muncul sebagai rujukan serantau bagi memperkukuh ketelusan dan akauntabiliti.

Ketua Audit Negara, Wan Suraya Wan Mohd Radzi menegaskan, profesion audit mesti bangkit menghadapi cabaran era ketidakpastian atau 'polycrisis' (krisis besar berlaku serentak atau bertindih) dengan peranan lebih luas dan bukannya sekadar mengawasi.

Berucap di hadapan lebih 15,000 juruaudit dalaman dari 26 negara pada Persidangan Konfederasi Juruaudit Dalaman Asia 2025 (ACIIA) 2025, beliau berkata, Jabatan Audit Negara kini mengorak langkah kepada jangkaan risiko dan pencegahan awal.

"Peranan kita sebagai juruaudit bukan sahaja untuk menilai masa lalu, tetapi membentuk masa depan, memperkukuh kepercayaan, melindungi sumber awam dan membina institusi yang berdaya tahan.

"Juruaudit mesti menjadi arkitek daya tahan yang mampu mengesan ketidakaturan sejak peringkat awal serta mendorong penambahbaikan berterusan," katanya di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), pada Selasa.

Mengulas lanjut, Wan Suraya berkata, Malaysia juga kini mengetuai Kumpulan Kerja ASEAN mengenai Audit Susulan yang mana ia inisiatif pertama di rantau ini, serta menonjolkan negara sebagai peneraju inovasi audit serantau dan penyumbang penting kepada

komuniti audit global.

“Akauntabiliti tidak boleh dilihat sebagai beban pematuhan, sebaliknya mesti dijadikan budaya kerja. Ukuran kejayaan sebenar ialah pengurangan berterusan kelemahan berulang dalam pengurusan kerajaan dan syarikat berkaitan kerajaan.

“Dengan memanfaatkan teknologi, membudayakan tadbir urus serta memperkukuh kerjasama serantau, Malaysia membuktikan audit mampu menjadi pemacu kepercayaan dan ketahanan dalam dunia yang penuh ketidakpastian,” katanya.

Sementara itu, Wan Suraya memaklumkan, inovasi digital menjadi tonggak pembaharuan audit negara melalui pelaksanaan E-Self Audit Tools, Mekanisme Ketidakaturan Serious, papan pemuka audit.

Katanya, inisiatif tersebut disifatkan memiliki kemampuan untuk pemantauan masa nyata serta penggunaan analitik Kecerdasan Buatan (AI) dan Big Data bagi meningkatkan ketepatan dan keberkesanan.

“Pindaan Akta Audit 2024 memperluaskan mandat Ketua Audit Negara supaya penemuan audit tidak hanya dilaporkan, tetapi diterjemahkan kepada tindakan pembedahan.

“Audit susulan serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) terukur dan pelaporan sistematik kepada Parlimen kini menjadi budaya baharu dalam tadbir urus negara,” katanya.



#Jabatan Audit Negara

#ketua audit negara



S. Abdullah

Seminar Fikrah MADANI angkat pemikiran Siddiq Fadzil sebagai panduan masyarakat

RM170 juta wang Ismail Sabri kini jadi hak milik kerajaan

Related Posts



Fahmi sahkan WeChat, TikTok dan Telegram telah dilesenkan

Yaya Amir September 10, 2025

SEHINGGA 31 Ogos lalu, tiga syarikat yang menyediakan perkhidmatan pesanan dalam talian dan media sosial telah



Kim Jong Un curi perhatian, angkut tandas peribadi ke Beijing

S. Abdullah September 10, 2025

PEMIMPIN Korea Utara, Kim Jong Un sekali lagi mencuri perhatian antarabangsa apabila dilaporkan membawa tandas

berdaftar di bawah Lesen Kelas Pemberi Perkhidmatan Aplikasi (ASP(C)). Menteri Komunikasi, Datuk Fahmi Fadzil...

Lebih lanjut

teruskan membaca →

peribadi semasa menghadiri pertemuan dengan Presiden Rusia, Vladimir Putin dan Presiden China, Xi Jinping sempena...

Lebih lanjut

teruskan membaca →

Arkib

- [→ September 2025](#)
- [→ August 2025](#)
- [→ July 2025](#)
- [→ June 2025](#)
- [→ May 2025](#)
- [→ April 2025](#)
- [→ March 2025](#)
- [→ February 2025](#)
- [→ January 2025](#)
- [→ December 2024](#)
- [→ November 2024](#)
- [→ October 2024](#)
- [→ September 2024](#)
- [→ August 2024](#)
- [→ July 2024](#)
- [→ June 2024](#)
- [→ May 2024](#)

Kategori

- [→ Berita Utama](#)
- [→ Ekonomi](#)
- [→ Global](#)
- [→ Hiburan](#)
- [→ Informasi](#)
- [→ Kolumnis](#)

- Nasional
- Negeri
- Politik
- Rencam
- Sukan
- Ulasan

Terkini



[Warga emas rugi RM46,000 lepas ikut 'pegawai kerajaan' urus bantuan](#)

KUANTAN – Seorang wanita warga emas berusia 70-an dilaporkan hilang lebih 24 jam sebelum ditemui

September 10, 2025

10 Min Read



[Sesi libat urus awam RMK13 di Miri kukuhkan suara rakyat](#)

MIRI – Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13) harus berteraskan suara rakyat dengan memberi ruang kepada masyarakat

September 10, 2025

10 Min Read



[30 keluarga disantuni, ziarah rumah ke rumah dekati pemimpin dan](#)

KOTA MARUDU – Seramai 30 keluarga kurang berkemampuan di Kampung Nalapak disantuni menerusi program ziarah

September 10, 2025

10 Min Read



[Polis Sarawak tumpaskan dua sindiket dadah, rampasan bernilai lebih RM1.1](#)

BINTULU – Polis Sarawak berjaya menumpaskan sindiket pengedaran dadah di Sibul serta menggagalkan cubaan penyeludupan

September 10, 2025

10 Min Read

Berita Terkini

Warga emas rugi RM46,000 lepas ikut 'pegawai kerajaan' urus bantuan

Sesi libat urus awam RMK13 di Miri kukuhkan suara rakyat dalam perancangan negara

30 keluarga disantuni, ziarah rumah ke rumah dekati pemimpin dan rakyat

Polis Sarawak tumpaskan dua sindiket dadah, rampasan bernilai lebih RM1.1 juta

Fahmi sahkan WeChat, TikTok dan Telegram telah dilesenkan

Perlu dibaca

